

# MAS lancar logo baru *Golden Holidays* jenama antarabangsa

Oleh HELMI MOHD FOAD

UM 20.05.05

LANGKAWI 29 Mei — Golden Holidays, sayap pelancongan Malaysia Airlines (MAS) melancarkan logo barunya sebagai satu lagi usaha terkini syarikat penerbangan nasional itu untuk dikenali sebagai jenama bertaraf antarabangsa.

Logo baru itu melambangkan kepekaan MAS untuk memenuhi keperluan industri pelancongan yang dinamik dengan memberikan persepsi bahawa Golden Holidays adalah entiti yang lebih mesra dan mudah didekati.

Majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam acara yang penuh gilang-gemilang dan berwarna warni di Four Seasons Resort Langkawi (FSRL), Tanjung Rhu di sini, malam tadi.

Dr. Mahathir berkata, selama ini MAS telah banyak memainkan peran-

an penting dalam memajukan industri pelancongan di negara ini terutamanya dalam membantu meningkatkan kedatangan pelancong di Langkawi.

“MAS telah berjaya melakukan pelaburan yang bijak dalam industri pelancongan di negara ini.

“Saya rasa gembira apabila MAS berjaya membawa masuk resort terbaik di dunia, Four Seasons ke Langkawi dan berharap ia juga dapat dibina di Kuala Lumpur,” katanya ketika berucap merasmikan logo baru itu di sini.

FSRL yang dimiliki oleh MAS itu telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam semalam.

Hadir sama Pengerusi MAS, Datuk Dr. Mohd. Munir Abdul Majid, Pengerah Urusan MAS, Datuk Dr. Ahmad Fuaad Dahlan dan Presiden Four Seasons Hotel Worldwide, Wolf Hengst.

Ahmad Fuaad pula berkata, dengan

peningkatan penumpang sebanyak 20 peratus bagi tiga tahun kebelakangan ini, MAS yakin Golden Holidays bukan sahaja merupakan penjana utama keuntungan syarikat malah bertindak sebagai pemain sektor percutian dan pelancongan global.

Katanya, terdapat sinergi yang penting bagi meletakkan Golden Holidays sebagai pemain antarabangsa kerana MAS sendiri merupakan satu jenama antarabangsa dan sudah dikenali di pelusok dunia.

“Ini adalah selari dengan komitmen kami untuk meneruskan inovasi bagi menjamin kepuasan hati para pelanggan melalui perkhidmatan yang melampau jangkauan mereka.

“Dengan Golden Holidays, para pelanggan bakal menikmati kualiti penginapan yang terjamin dan pakej pelancongan yang memenuhi cita rasa mereka,” katanya.